

# 5

## KESAN-KESAN PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN

Perkahwinan tanpa kebenaran ataupun '*kahwin lari*' merupakan suatu istilah yang popular dalam kalangan masyarakat hari ini. Istilah ini merujuk kepada suatu perkahwinan yang dilangsungkan di luar negara tanpa pengetahuan dan juga kebenaran pihak berkuasa. Namun begitu, perkahwinan tanpa kebenaran juga boleh berlaku di dalam negara, apabila perkahwinan tersebut dilaksanakan melalui sindiket yang mengatur perkahwinan tersebut. Ini terjadi terutama sekali dalam kes poligami, di mana pasangan menggunakan khidmat sindiket perkahwinan untuk mengelakkan daripada diketahui oleh isteri pertama. Ternyata fenomena sebegini telah berleluasa di kalangan masyarakat pada hari ini. Ini dapat dibuktikan dengan laporan yang dikeluarkan oleh akhbar Sinar Harian bertarikh 4 Mac 2014.

Dalam laporan tersebut menyatakan bahawa sindiket tersebut menawarkan perkhidmatan perkahwinan dengan pakej yang lengkap termasuk sijil nikah yang menyerupai sijil nikah yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Agama Islam negeri. Selain itu sindiket tersebut juga menawarkan bayaran yang lebih murah iaitu sebanyak RM3000 sahaja di samping pengeluaran sijil nikah yang cepat iaitu beberapa hari sebelum akad nikah dilangsungkan. Kemudahan perkhidmatan itu telah menjadi pilihan ramai pasangan yang ingin berpoligami secara rahsia. (Sinar Harian, 2014, Mac 4).

Fenomena ini sebenarnya telah lama wujud dalam masyarakat di negara ini, tetapi menjadi lebih serius dalam realiti masyarakat sekarang. Malahan, setiap negeri tidak terlepas daripada berhadapan dengan situasi ini termasuklah di negeri Perlis. Fenomena ini berleluasa ekoran daripada perubahan gaya yang bersifat hedonistik serta banyak terdedah dengan perkembangan teknologi maklumat. Keadaan ini telah mengundang pelbagai masalah sosial terutama sekali di kalangan generasi muda. Oleh itu, semua pihak harus memikirkan penyelesaian yang berhikmah dalam menangani fenomena ini daripada terus berleluasa.

### **Implikasi Perkahwinan Tanpa Kebenaran**

Secara umumnya, perkahwinan tanpa kebenaran jelas telah melanggar norma-norma perkahwinan dalam Islam dan juga peruntukan undang-undang. Apa yang nyata, pasangan yang memilih untuk berkahwin tanpa kebenaran sudah pasti akan melalui fasa-fasa yang sukar dalam kehidupan mereka. Ini kerana, keputusan yang dibuat akan mengundang implikasi yang sangat besar khususnya dalam aspek hukum dan juga perundangan. Antara implikasi negatif yang dilalui oleh pasangan terbabit adalah seperti berikut:

- a) **Kesan dari Aspek Perundangan**  
Perkahwinan tanpa kebenaran akan memberikan implikasi yang cukup besar khususnya dari sudut perundangan Islam. Secara keseluruhannya, Enakmen Undang-undang Kekeluargaan Islam yang telah digubal di setiap negeri di Malaysia merupakan suatu peruntukan yang digubal bertujuan untuk menjaga kemaslahatan umat manusia dalam urusan kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat.